

PROSIDING

Seminar **POLITIK MALAYSIA**

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

BLOGOSPHERE: RUANG KONTRA HEGEMONI? ANALISIS TERHADAP BLOG POLITIK MALAYSIA TERPILIH DALAM PRU 2008

*Muhamad Nadzri Mohamed Noor
Suhaimee Saahar@Saabar*

ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 telah memberikan satu kejutan besar terutamanya kepada kerajaan Barisan Nasional. Pada pilihan raya kali ini, kerajaan Barisan Nasional hanya memenangi sebanyak 140 kerusi Parlimen daripada 220 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Jumlah ini nyata berbeza dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke-11, apabila Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berjaya memenangi lebih 2/3 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Keputusan pilihan raya kali ini juga telah memberikan satu tamparan yang hebat kepada Barisan Nasional apabila muka-muka lama dalam kerajaan tewas kepada calon-calon muda yang baru bertanding. Keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan Barisan Nasional kali ini dikatakan disebabkan oleh beberapa faktor yang wujud sebelum pilihan raya kali ini. Salah satu faktor yang dikatakan penyebab kepada kekalahan Barisan Nasional adalah disebabkan oleh kempen perang siber yang dilancarkan oleh para bloggers di internet dan kawalan kerajaan terhadap media massa perdana. Kekangan dan sekatan politik menyebabkan masyarakat mahupun parti oposisi sukar mempengaruhi minda masyarakat dengan pendapat alternatif kerana kawalan dan pemilikan pihak kerajaan terhadap media massa arus perdana. Ini menyebabkan parti pemerintah dalam keadaan yang sama menguasai agen sosialisasi politik utama dan berada dalam keadaan hegemonik dalam membentuk pemikiran sekali gus budaya politik massa mengikut acuan yang dikehendaki. Namun, kedudukan yang hegemonik bukanlah sesuatu yang kekal, sebaliknya bagi Gramsic (1971) aktiviti penghegemonian perlu dilakukan setiap massa di segenap ruang kehidupan massa yang ada. Di sini, para blogger melihat ruang siber yang wujud pada hari ini telah menjadi satu ruang bagi mereka untuk menyuarakan suara mereka yang selama ini dinafikan dalam media massa perdana. Blogging telah dilihat sebagai satu fenomena baru yang mencetus era baru dalam kebebasan bersuara. Kertas kerja ini akan membincangkan hasil kajian yang dijalankan bagi melihat kandungan-kandungan (posting) yang dimuatkan oleh para blogger di Malaysia sebagai satu tindakan kontra-hegemoni (counter hegemony) yang dilakukan oleh masyarakat sivil dalam ruang siber yang dilihat memberikan satu kebebasan bagi mereka untuk memecahkan hegemoni pemerintah dalam kontrol media massa perdana. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menganalisis sebanyak 193 blog politik yang dipilih bagi menganalisis bentuk kandungan yang wujud dalam blog-blog politik di Malaysia. Blog-blog yang dipilih ini dikategorikan kepada tiga kategori utama iaitu blog yang menyokong kerajaan, blog yang tidak menyokong kerajaan dan blog yang bersifat

neutral. Hasil kajian menunjukkan terdapat 114 blog politik yang tidak menyokong kerajaan, dan hanya terdapat 28 sahaja blog politik yang menyokong kerajaan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa isu utama yang dibincangkan (diblogkan) oleh para pemblog dalam blog mereka ialah isu yang menyentuh mengenai kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia Kelima. Kajian juga menunjukkan daripada blog-blog yang dianalisis, pemblog dari kalangan orang Melayu mendominasi blog politik di Malaysia. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pemblog politik gemar menggunakan nama samaran bagi melindungi identiti sebenar mereka. Pemblog lelaki merupakan pemblog yang paling ramai terlibat dalam aktiviti blogging ini dan golongan muda merupakan golongan utama yang terlibat cergas dalam aktiviti ini. Sebagai rumusan, daripada hasil kajian jelas menunjukkan bahawa ruang siber ini telah digunakan secara meluas oleh masyarakat siber bagi berkongsi maklumat, sebagai satu bentuk counter hegemony dan menyuarakan suara mereka dengan lebih terbuka dan bebas.

PENGENALAN

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 (PRU 2008) telah memperlihatkan keputusan yang mengejutkan khasnya bagi parti Barisan Nasional (BN). Pada pilihan raya kali ini, Barisan Nasional hanya berjaya memenangi 140 daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Jumlah ini nyata berbeza dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke-11, apabila BN di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berjaya memenangi lebih dua pertiga kerusi Parlimen yang dipertandingkan. PRU 2008 juga menyaksikan beberapa pemimpin utama di dalam BN tewas kepada calon parti pembangkang. Beberapa faktor yang wujud sebelum PRU 2008 dikatakan telah menyumbang kepada keadaan ini. Salah satu faktor yang dikatakan adalah disebabkan oleh kempen perang siber yang dilancarkan oleh para bloggers di internet berikutan kawalan kerajaan ke atas media massa perdana. Kekangan dan sekatan politik menyebabkan masyarakat mahupun parti oposisi sukar mempengaruhi minda masyarakat dengan pendapat alternatif kerana kawalan dan pemilikan pihak kerajaan ke atas media massa arus perdana. Ini sebaliknya menyebabkan parti pemerintah yang hegemonik berupaya membentuk pemikiran dan budaya politik massa mengikut acuan yang dikehendaki. Namun, kedudukan yang hegemonik bukanlah sesuatu yang kekal, sebaliknya bagi Gramsic (1971) aktiviti penghegemonian perlu dilakukan setiap massa di segenap ruang kehidupan massa yang ada. Di sini, para blogger melihat ruang siber yang wujud pada hari ini telah menjadi satu ruang bagi mereka untuk menyuarakan suara mereka yang selama ini dinafikan dalam media massa perdana. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menganalisis sebanyak 193 blog politik yang dipilih bagi menganalisis bentuk kandungan yang wujud dalam blog-blog politik di Malaysia.

BLOGOSPHERE

Kontrol dalam ruang politik Malaysia bukanlah sesuatu yang asing. Faktor ini merupakan antara sebab utama politik Malaysia diklasifikasikan sebagai sebuah sistem campuran demokrasi dan autoritarian oleh beberapa sarjana kerana wujud dasar, undang-undang dan tindakan yang autokratik dalam struktur demokrasi (Jesudason 1995; Crouch 1996; Case 2002). Kekangan dan sekatan politik menyebabkan ruang untuk melakukan semakan dan imbangan kepada kekuasaan pemerintah menjadi kecil khas dalam aspek penyuaraan kritikal oleh masyarakat sivil dan politik. Walau bagaimanapun,

atas beberapa perkembangan baru, kaedah *purposive depoliticization* kini mula mendapat hambatan khasnya melalui proses globalisasi.¹ Held et al (2004) berpendapat globalisasi melibatkan empat jenis perubahan iaitu:

1. Perkembangan aktiviti sosial, politik dan ekonomi merentasi sempadan politik agama dan benua
2. Memperlihatkan kebergantungan antara negara seperti aliran dagangan, pelaburan dan migrasi
3. Ia mempercepatkan ‘dunia’. Sistem baru dalam pengangkutan dan komunikasi memberi makan bahawa idea, barang, informasi, modal dan manusia boleh bergerak dengan pantas
4. Sempadan di antara perkara domestik dan hal ehwal global menjadi semakin kabur oleh kerana ruang dunia yang semakin mengecil. (Held et al 2004: 483)

Perubahan yang ketiga melibatkan perkembangan teknologi yang turut melibatkan penggunaan sistem baru dalam berkomunikasi dan mendapatkan informasi iaitu penggunaan media internet. Setelah melalui beberapa tempoh sejarah yang pantas, penggunaan internet sejak satu dekad lalu telah digunakan secara meluas di dalam proses politik melalui ciptaan satu ruang umum yang baru iaitu ruang maya atau ruang siber. Blog adalah satu entiti penting di dalam ruang ini dan kini telah menjadi semakin dominan dengan terbentuknya ruangnya yang tersendiri di dalam ruang siber iaitu *blogosphere*.

Istilah *blogosphere* diperkenalkan pada Disember 2001 oleh seorang blogger yang bernama William Quick. Istilah ini digunakan bagi menggambarkan dan menjelaskan fenomena blog politik yang muncul dalam alam siber. Roth (2004), mendefinisikan *blogosphere* sebagai:

“...an online network of political blogs used to express and circulate opinions, in which pieces of information are synthesized and connected in new ways and act as checks against the mainstream media, and where public dialogue and debate on public issues can occur and eventually inform decision makers”(Roth 2004).

Dalam konteks negara Malaysia, makalah ini melihat *blogosphere* bukan sahaja muncul akibat kemajuan teknologi melalui globalisasi, tetapi turut dipengaruhi dengan faktor-faktor yang lain. Antaranya faktor kekangan undang-undang, kesedaran politik dan tren semasa. Sebagai mana yang telah di sentuh sebelum ini, beberapa kaedah *purposive depoliticization* telah dijalankan oleh kerajaan Malaysia sejak 1948 dan menjadi semakin meluas selepas 13 Mei 1969 bagi menjamin status quo dan mengurangkan *politicking*. Tindakan ini telah menyebabkan beberapa amalan asas kepada demokrasi (sistem yang didokong oleh Malaysia) terkesan dan tidak dapat dilaksanakan secara demokratis. Ini termasuklah kebebasan media dan kebebasan berpolitik. Kaedah ini telah menyebabkan media massa utama di Malaysia tidak dapat menjalankan fungsinya sebagai media masyarakat, sebaliknya berubah (semenjak pengambilan dan penggunaan kontrol politik yang meluas) menjadi media atau suara kepada parti pemerintah. Oleh yang demikian laporan berita khasnya dalam aspek politik dan aspek yang boleh mengekalkan status quo pemerintah seringkali lebih berat sebelah parti pemerintah. Hal ini jelas diperihalkan dalam satu kenyataan Menteri Penerangan Malaysia pada tahun 1999 berkeraan fungsi salah satu media arus perdana di Malaysia.

"The Government pays for RTM's (Radio Television Malaysia) employees and the equipment used. So whoever is in the Government get to use RTM as their mouthpiece to air their manifesto and promises during a general election...RTM is not interested in inviting any opposition party for interviews over its channels."

(*The Star*, Julai 3: 1999)


Untuk satu tempoh masa, tindakan ini boleh membentuk sokongan besar masyarakat kepada pemerintah sebagai mana pengalaman politik Malaysia khasnya pada period pasca 13 Mei 1969 sehingga tahun 2004. Namun, dengan perubahan keadaan dari masa ke semasa, akan tiba waktunya di mana masyarakat sudah boleh menilai apa yang dipersembahkan oleh media dengan lebih kritikal khususnya apabila wujud keadaan yang begitu mendesak masyarakat untuk berubah, keterbukaan pendidikan serta pemikiran dan pembangunan politik di kalangan masyarakat. Begitu juga dengan kebebasan berpolitik khasnya kebebasan untuk bersuara, ia turut dihalang oleh beberapa sekatan perundangan dan media yang berat sebelah. Keadaan ini telah mendorong masyarakat untuk mencari media alternatif bagi mendapatkan informasi yang lebih seimbang disamping berinteraksi (bersuara) dengan anggota masyarakat yang lain. Ini termasuklah penggunaan blog yang disediakan dengan kemajuan ICT kini.

Kelemahan pentadbiran Abdullah dalam menangani beberapa isu dan perkara juga telah mendorong kepada peningkatan kesedaran politik di kalangan masyarakat. Antaranya keadaan ekonomi semasa dalam konteks peningkatan kos sara hidup yang begitu mendesak kehidupan ekonomi masyarakat dan kegagalan kerajaan merealisasikan beberapa retorik yang telah dilaungkan. Faktor ini juga bukan sahaja telah membuatkan masyarakat menjadi lebih kritikal dan vokal kepada pentadbiran beliau, tetapi turut menyebabkan sebahagian daripada mereka cuba untuk mencari dan menggunakan medium alternatif seperti blog untuk menyuarakan dan berkongsi pendapat mereka dengan ahli masyarakat yang lain.

Selain itu, blogosphere juga wujud dan semakin popular berikut dengan tren semasa. Pada masa kini, kemajuan teknologi termasuk ICT telah mempengaruhi cara hidup masyarakat. Masyarakat Malaysia moden turut tidak terkecuali khasnya bagi golongan muda. Teknologi ICT telah banyak merubah pelbagai aspek dalam kehidupan masyarakat termasuklah interaksi sosial. Terkini, blog telah menjadi sesuatu perkara yang umum dalam berinteraksi dan berkongsi informasi khasnya sesama pemblog. Dengan isu dominan yang mempunyai impak pada PRU 2008, maka tidak hairanlah apabila ruang ini sering digunakan bagi membincangkan dan menyebarkan pendapat berkenaan isu-isu politik negara. Matlamat mereka (pemblog) adalah pelbagai, bergantung kepada orientasi politik mereka. Ramai yang menghantar *posting* untuk mempengaruhi pemblog yang lain dan ramai juga yang berbuat demikian atas semangat untuk menggunakan hak mereka untuk berpartisipasi dalam ruang blog bagi bagi memakmurkan sistem negara Malaysia.

Blogosphere Malaysia: Ruang Kontra Hegemoni?

Pada dasarnya, blogosphere adalah satu ruang umum yang bebas dan wujud di antara pemerintah dengan masyarakat sebagaimana konsepsi ruang umum Habermas. Malah dalam konteks konsepsi ruang umum pada masa kini, blogosphere adalah salah satu segmen dalam ruang siber yang membentuk ruang umum tersebut. Ini bolehlah digambarkan di dalam model seperti yang berikut:



Rajah 1: Model Blogosphere Dalam Ruang Umum

Namun, melalui kaedah manipulatif efektif (*purposive depoliticization* yang berjaya) yang telah diambil oleh pemerintah sejak kemerdekaan, ruang umum di Malaysia khasnya bagi period 1957-2004 didominasi oleh parti pemerintah. Ini sekaligus telah menghilangkan neutraliti ruang umum dan mengaburi entiti masyarakat sivil. Akibatnya, masyarakat sivil bukan sahaja bertransformasi menjadi masyarakat politik, tetapi turut berubah menjadi alat hegemoni bagi parti pemerintah (Gramsci 1971).²

Walau bagaimanapun, hal yang berlainan berlaku di dalam blogosphere. Disebabkan penguasaan yang dominan dalam ruang umum dan rekod yang cemerlang dalam prestasi PRU Malaysia yang lalu, blogosphere digunakan oleh parti pemerintah atau penyokongnya dengan cara yang begitu menimbal. Ini menyebabkan impak penggunaannya ia menjadi kurang berkesan. Sebaliknya, akibat daripada faktor yang mendorong kapada kewujudan dan penggunaan ruang ini dengan meluas sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kebebasan serta kesempatan yang disediakan oleh ruang ini telah digunakan sebaiknya khasnya oleh golongan yang bebas, kritikal atau pihak oposisi. Ini menyebabkan pengaruh dan interaksi yang lebih berkesan wujud daripada blog yang bebas atau blog pihak oposisi. Aspek ini sedikit sebanyak, mungkin boleh diukur berdasarkan jumlah sampel sebanyak 193 blog politik yang telah dipilih di dalam kajian penyelidik seperti mana dalam jadual berikut:

Jadual 1: Jumlah Blog Mengikut Orientasi Politik

Orientasi	f	(%)
1. Menyokong pemerintah	28	14.5
2. Tidak menyokong Pemerintah (Kritikal-Ofensif)	114	59.1
3. Bebas (Kritikal-Bebas)	51	26.4
Jumlah	193	100

Berdasarkan jadual di atas, daripada 193 blog yang dipilih dalam kajian kini, dapatkan jelas menunjukkan bahawa blog-blog politik di Malaysia berkecenderungan untuk bersifat kritikal dan vokal terhadap pemerintah. Sebanyak 114 pemblog politik memiliki blog politik yang tidak menyokong pemerintah dan 51 blog yang bersifat kritikal-neutral. Ini bermakna 85.5% blog politik di dalam sampel kajian adalah blog yang kritikal terhadap pemerintah. Beberapa isu politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di Malaysia khasnya isu yang melibatkan kerajaan Barisan Nasional banyak dikritik dan diperbincangkan di dalam blog-blog ini. Sebaliknya, hanya terdapat 28 blog politik (14.5%) yang dilihat sebagai menyokong pemerintah. Jumlah ini terlalu ketara jumlahnya jika dibandingkan dengan blog kritikal kepada pemerintah.

Keadaan dan kecenderungan ini telah mengkonstruksi blogosphere Malaysia lebih sebagai satu medium kontra hegemoni berbanding satu ruang umum yang bebas. Ini bagi perspektif Gramscian, bolehlah dilihat sebagai satu revolusi pasif melibatkan pembebasan minda masyarakat daripada pandangan dunia dan kesedaran ‘palsu’ yang telah dibentuk oleh golongan dominan selama ini. Usaha dan ruang untuk melakukan revolusi pasif seumpama ini adalah begitu sukar untuk dilakukan di Malaysia sebelum ini dengan dominasi ruang umum oleh parti pemerintah dan keterbatasan ruang politik yang wujud. Justeru dengan wujudnya ruang yang bebas, mudah dan murah seperti blogosphere, ditambah pula dengan faktor yang menarik dan menolak mereka untuk menggunakan ruang ini, dan isu dalam PRU 2008 yang diyakini dan mempunyai impak kepada masyarakat, blogosphere telah digunakan dengan seluas mungkin bagi menghasilkan hasil yang seberkesan mungkin. Usaha itu dilihat ternyata berhasil. Malah selepas PRU 2008, beberapa tindakan bentuk halus dan keras telah diambil oleh kerajaan bagi mengawal ruang ini. Antaranya dialog yang diadakan oleh Kementerian Penerangan Malaysia dengan pemblog pada Mei dan Jun 2008. Kementerian tersebut turut menempatkan beberapa staf bagi memantau aktiviti pemblog dalam politik Malaysia. Malah, selepas tindakan bentuk halus tidak membawa hasil, tindakan kekerasan dilihat mula diambil. Umpamanya penahanan Raja Petra Kamarudin (pemblog dan pemunya blog *Malasia Today* yang kritis kepada kepimpinan utama BN) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 12 September 2008. Lebih kurang seminggu selepas itu pula, pemunya blog *Kickdefella* seorang ahli dan jentera parti PAS turut ditahan dibawah akta yang sama. Tindakan ini juga dalam satu segi boleh dilihat sebagai satu ‘pengiktirafan’ oleh pemerintah bahawa blogosphere adalah satu medium kontra hegemoni yang berkesan dan boleh mengancam status quo.

ISU UTAMA

Pembangkitan isu yang diyakini dan mempunyai impak (Ghazali 2006) adalah sesuatu yang sangat penting dalam kempen pilihan raya bagi meraih sokongan pengundi. Malah, sesebuah pilihan raya akan dilihat dan difikirkan oleh masyarakat sebagai tiada isu atau modal, jika isu yang dibangkitkan khususnya oleh parti oposisi tidak diyakini dan tidak mempunyai impak kepada masyarakat. Keadaan seumpama ini (‘ketiadaan isu’), pernah berlaku dalam PRU Malaysia pada tahun 1990, 1995 dan 2004. Begitu juga dengan media massa, ia hanyalah suatu instrumen bagi menyebarkan informasi dan komunikasi bagi memenuhi matlamat tertentu. Tanpa diisi dengan isu yang diyakini dan mempunyai impak, penggunaan media yang sofistikated sekalipun tidak menjanjikan ia dapat menjalankan fungsinya dengan berkesan. Dalam konteks media politik dalam kempen pilihan raya pula, tentunya ia bertujuan untuk mempengaruhi dan menarik sokongan pengundi yang sebanyak mungkin. Apa yang menarik dalam PRU 2008, isu universal atau sejagat diluar garis kaum dan kelas mendominasi ruang blog politik Malaysia.

Jadual 2: Isu Utama dalam Blogosphere Malaysia Pada PRU 2008

Isu	f	(%)
1. Ketelusan Pilihan Raya	50	33.1
2. Hak Asasi, Keadilan dan Ekonomi.	49	32.5
3. Rasuah dan Kronisme	17	11.3
4. Kepimpinan Abdullah	13	8.6
5. Lain-lain	22	14.5
Jumlah	151	100

Jadual 2 menyenaraikan isu-isu utama yang telah dibangkitkan di dalam 193 blog politik terpilih. Didapati ketelusan pilihan raya adalah isu utama yang paling banyak dihantar (posting) dan dibincangkan. Seterusnya, diikuti pula dengan isu-isu sejahtera, rasuah dan kronisme, kepimpinan Abdullah dan lain-lain.

Meskipun tempoh untuk mengadakan PRU ke-12 sepatutnya tamat pada tahun 2009,³ namun atas beberapa faktor, gosip-gosip politik di kalangan masyarakat Malaysia kuat membawa khabar angin bahawa PRU tersebut akan diadakan sebelum April 2008.⁴ Malah atas pesepsi ini, satu perhimpunan massa besar-besaran yang dinamakan perhimpunan BERSIH telah digerakkan pada Oktober 2007 bagi menuntut perlaksanaan pilihanraya di Malaysia yang lebih bebas dan telus. Gosip, perbincangan dan aspek ini turut tidak terkecuali dalam blogosphere. Pelbagai isu berkaitan dengan perlaksanaan pilihan raya yang telus dibicarakan. Ini termasuklah isu pengundi hantu, pengundi pos, integriti Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan penggunaan dakwat kekal. Di dalam blog *malaysia-baru.blogspot.com* (kritikal-ofensif) umpamanya, blogosphere digunakan bagi menghambat retorik hegemoni pemerintah. Strategi yang sering digunakan oleh blog ini adalah, mengambil petikan kenyataan media yang diterbitkan dalam media utama, dan seterusnya membuat kritikan ke atas kenyataan tersebut.

Tajuk akhbar : Anwar tidak bertanggungjawab – Abdullah

PULAU PINANG 5 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim bukan pemimpin tulen kerana tindak-tanduknya menunjukkan beliau seorang yang tidak bertanggungjawab. Perdana Menteri berkata, Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu telah ditolak oleh UMNO yang menunjangi Barisan Nasional (BN). “Dia tidak penting kepada saya, tidak penting kepada UMNO. Dia tidak ada kawan dalam UMNO sebab itu dia lawan UMNO...”

(Berita Harian 5/Mac/2008)

Ulasan Pemblog: Kalau sungguh Anwar ‘is not relevant’, kenapa pilihan raya tidak di buat selepas April 2008? (*malaysia-baru.blogspot.com* 6/Mac/2008).

Tajuk akhbar: Sokong SPR batal penggunaan dakwat kekal

KUALA LUMPUR 5 Mac – Para pemimpin UMNO menyokong tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membatalkan penggunaan dakwat kekal di kuku pada pilihan raya umum kali ini jika ia bertujuan mempermudah proses pembuangan undi Sabtu ini...

(*Utusan Malaysia* 5/Mac/2008)

Ulasan Pemblog: *Tak mungkin ada pemimpin Umno yang tidak suka dengan apa yang di buat SPR. Tapi khabarnya MCA tak setuju dengan keputusan 'last minute' itu. Bercakaplah dari hati: Penggunaan dakwat kekal untuk mengelakkan pengundian berulang kali. Kalau pun nak menang, jangan tipu rakyat kerana kuasa rakyat akan tentukan kerajaan*

(*malaysia-baru.blogspot.com* 6/Mac/2008)

Tajuk akhbar : Jangan halang pengundi luar balik mengundi

KUALA TERENGGANU 5 Mac – Datuk Seri Najib Tun Razak memberi amaran kepada parti pembangkang supaya tidak menghalang pengundi luar yang pulang ke kawasan masing-masing untuk mengundi Sabtu ini kerana mereka bukannya pengundi hantu...

(*Utusan Malaysia* 5/Mac/2008)

Ulasan Pemblog: *Tapi rekod buruk BN menunjukkan penipuan BN dalam pilihan raya boleh berlaku.*

(*malaysia-baru.blogspot.com*.6/Mac/2008)

Juga berkenaan dengan isu yang sama, didapati blog popular *rockybru.com.my* (bebas-kritikal) juga menggunakan strategi yang hampir sama dengan blog *malaysia-baru*. Misalnya tentang isu pendaftaran pengundi Malaysia yang dipaparkan oleh akhbar *The Malay Mail*.

"I thought it was rather brave of The Malay Mail came out with this piece on the same day the Election Commission announced the dates for Nomination and Polling for the country's 12th General Election"

"In any case, I feel for Ang Lai Im, 36, who found out last month that she had already been registered as a voter when she never did register as one herself. Obviously, someone else did it for her!"

"Lai Im and I are not the only Malaysians whose identities might have been used by phantom voters. There could be thousands of others. How is it that someone else can register you as a voter? The EC has been quiet about this. I lodged a police report on this last .. and went to the address that was supposed to have been my home in Rapat Setia. Till today, I have not received any kind of acknowledgement from the EC or the Police."

(*rockybru.com.my* 14 Februari 2008)

Berikutnya, isu yang mendapat tempat adalah melibatkan isu-isu yang melibatkan keberlangsungan masyarakat khasnya dalam aspek politik, undang-undang dan ekonomi rakyat. Isu ini banyak disentuh dan diperbincangkan dalam hampir ke semua blog politik yang dipilih. Rata-rata para pemblog khasnya yang kritikal, cuba menyakinkan pelawat peri pentingnya kewujudan undang-undang yang demokratik bagi memperkasakan kedudukan masyarakat sebagai elemen utama

negara demokrasi Malaysia. Begitu juga dengan aspek pengurusan ekonomi rakyat yang umumnya dilihat mereka sebagai agak pincang dan membebankan rakyat.

Isu rasuah dan kronisme turut menjadi topik utama yang dihantar dan dibincang oleh para pemblog. Dalam blog *sangkelembai2006.blogspot.com* (kritikal- bebas) misalnya, pemblog membangkitkan isu rasuah yang tidak dibangkitkan media di dalam topik “*Empat Tahun Yang Black Out*”:

“...Jika meneliti empat tahun yang berlalu di bawah pentadbiran “**The Invisible Government**” yang dikuasai oleh tiga beranak yang sedang memerintah Malaysia iaitu Abdullah Hj Ahmad sebagai “Saya Perdana Menteri”, anaknya Kamaludin Abdullah yang memunggah semua perniagaan kerajaan atas nama Scomi yang di darat, lautan dan di langit dan menantunya Khairy Jamaludin anak muda yang punya wang tak kurang RM100 juta tunai kerana menjual kepentingannya dalam ECM-Libra dengan tidak bersusah payah kecuali mendapat komisen menjual Bank Bumiputra yang bertukar nama kepada CIMB...”

(*sangkelembai2006.blogspot.com* 13 Februari 2008)

Isu kepimpinan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi turut merupakan isu yang paling kerap dikemukakan dalam blogosphere. Antara blog politik popular yang kerap mengutarakan isu ini adalah blog politik www.chedet.com. (blog Dr Mahathir Mohamed), *chegubard.blogspot.com*., *rockybru.com.my* dan *kickdefella.wordpress.com*. (sekadar menyebut beberapa contoh). Antara isu yang sering dilontar dan dibicarakan adalah isu kelemahan kepimpinan Abdullah dalam pelbagai sedut dan peringkat, pengaruh Khairy Jamaluddin ke atas kepimpinan Abdullah dan Islam Hadhari (sekadar menyebut beberapa contoh).

Selain disebabkan isu sejagat yang dominan dalam PRU 2008 diyakini dan memberi impak kepada masyarakat, bangkitan isu-isu ini khasnya di dalam blog politik yang bersifat kritikal dilihat sebagai lebih berkesan berbanding dengan blog politik yang menyokong pemerintah atas beberapa faktor. Pertama, isu yang dibawa oleh blog politik kritis sering kali tidak mendapat liputan (black out) atau tidak mendapat liputan yang menyeluruh (berat sebelah) dalam media massa. Kedua, penyediaan capaian aplikasi audio visual seperti yang disediakan oleh *youtube*, menambahkan lagi keberkesanan blog yang kritis dalam usaha mereka untuk berkongsi pendapat dan informasi dengan para pemblog atau pengunjung blog. Ketiga, penyediaan capaian kepada blog-blog politik popular yang lain turut menambah darjah keberkesanan isu yang dilontarkan apabila pemblog atau pengunjung blog boleh memahami sesuatu isu dari perspektif pemblog yang lebih pelbagai. Unsur ini adalah kebalikan daripada gaya monoton dan seragam yang terdapat dalam media massa. Keempat, blog politik menyokong kerajaan dilihat kerap kali mengambil laporan berita yang telah pun dipaparkan di dalam media massa. Ini menjadikan isu yang dilontarkan kurang menarik sekaligus menyebabkan usaha mereka bagi meraih dan meluaskan pengaruh boleh dikatakan kurang berkesan.

KESIMPULAN

Sebagai penghabsinya, perbincangan di dalam makalah ini membawa kepada beberapa kesimpulan. Pertama, atas beberapa faktor yang telah diuraikan, blogosphere semakin mendapat tempat sebagai medium alternatif dan agen pengimbang kepada dominasi superstruktur pemerintah di Malaysia. Kedua, juga atas faktor yang sama, didapati blogosphere Malaysia lebih berbentuk ruang kepada

kontra hegemoni berbanding ruang yang bebas. Selain itu, konstruksi ruang ini turut dipengaruhi oleh kesulitan untuk menguatkuasakan kawalan hegemonik ke atas ruang ini. Manakala yang ketiga, dalam PRU 2008, jelas isu politik baru masih menjadi intisari utama perbincangan para pemblog dalam blog politik yang telah dipilih. Dari perspektif demokratisasi, perkembangan ini adalah satu aspek yang baik kerana ia bukan sahaja memberi ruang yang luas untuk masyarakat berpartisipasi dalam proses politik relatifnya dengan lebih mudah, yakni memberi peluang untuk mereka bersuara dan memberi pendapat dengan lebih bebas berbanding di ruang umum(ruang nyata). Tetapi juga *blogosphere* turut berperanan sebagai medium penyemak dan pengimbang kepada masyarakat bagi mana-mana produksi hegemoni halus oleh pihak yang dominan. Oleh itu sesuatu fenomena, peristiwa, kejadian, tindakan dan keputusan autoritatif khasnya yang melibatkan perkara penting kepada keberlangsungan masyarakat dan negara, ia boleh dipertimbangkan dan dinilai dengan lebih seimbang, menyeluruh, objektif dan demokratik.

NOTA AKHIR

- ¹ “a process (or set of process) that embodies a transformation in the spatial organization of social relations and transactions, generating transcontinental or interregional flows and networks of activity, interaction, and power.”(Mingst & Karen 2004 : 462)
- ² Meskipun ruang umum di Malaysia didominasi oleh parti pemerintah pada period ini, namun masih terdapat juga beberapa pertubuhan masyarakat sivil yang bebas daripada pengaruh pemerintah umpamanya Aliran dan Sister In Islam. Malah pertubuhan masyarakat sivil juga adalah entiti dominan dalam gerakan *Reformasi* pada 1999 yang menuntut perubahan dalam kepimpinan dan pentadbiran negara ke arah yang lebih demokratik
- ³ Berdasarkan peruntukan perlumbaan, pilihan raya umum (bagi memilih ahli perundangan) mesti diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun
- ⁴ Kewajarannya difikirkan oleh sebahagian masyarakat termasuk beberapa pemblog popular, adalah bagi mengurangkan pengaruh dan keterlibatan Anwar Ibrahim di dalam PRU ke-12.

RUJUKAN

- Davis, R. (2005). Politics Online: *Blogs, Chatrooms and Discussion Groups in American Democracy*. New York: Routledge
- Francis Loh & Johan Saravananmuttu. (2003). *New Politics in Malaysia*. Singapore:ISEAS
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2008). Tsunami Politik dalam Pilihan Raya Umum ke 12 Malaysia?: Materialisme Dalam Tindakan Politik Massa. Kertas Kerja Seminar SEBUMI. Anjuran Universitas Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.Jakarta, Jun 2008.
- (2008). Hegemoni Siber : Utilisasi Ruang Maya dalam Pilihan Raya Umum 2008 Malaysia. Kertas Kerja *Malaysian Studies Conference* Ke Enam (MSC 6). Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak, Ogos 2008.
- Suhaimee Saahar @ Saabar. (2008). Blog Politik, Blogosphere dan Pilihan Raya Ke 12 Malaysia: Satu Analisis Kandungan Blog-Blog Politik di Malaysi. Kertas Kerja *Malaysian Studies Conference* Ke Enam (MSC 6). Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak, Ogos 2008.
- Tremayne, Mark.(pytn).(2007). *Blogging, Citizenship, and the future of media*. New York : Routledge
- Toulouse, C & Luke T.W(pytn).(1998). *The politics of Cyberspace*. New York : Routlegde